



# KENYATAAN MEDIA

*Untuk siaran segera*

## ENAM BIDANG UTAMA DI PUSAT LATIHAN CIDB UNTUK CEBURI DUNIA MINYAK DAN GAS

**KUALA BERANG, TERENGGANU (14 Februari 2023)** – Terdapat banyak peluang pekerjaan yang boleh dijadikan kerjaya dan sumber pendapatan pada masa kini. Kerjaya bagi bidang kemahiran di sektor minyak dan gas adalah kerjaya yang mempunyai pendapatan yang tinggi.

CIDB Malaysia menerusi Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan CIDB Technologies Sdn Bhd (CIDB Tech) menawarkan tajaan kepada belia tempatan yang ingin menceburji bidang kemahiran minyak dan gas. Sehingga Disember 2022, lebih daripada **18,518** pekerja mahir binaan dalam bidang tersebut berjaya dilahirkan.

Ketua Eksekutif CIDB Malaysia, Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid berkata, terdapat enam (6) bidang utama di ABM dan CIDB Tech yang memberi peluang kerjaya dalam bidang minyak dan gas seperti, *Gas Pipe Installation, Gas Pipe Insulation, Scaffolding, Welding, Mechanical Fitting dan Blasting and Painting*. Beliau berucap ketika Majlis Graduasi ABM dan CIDB Technologies Wilayah Timur 2023 di Dewan Besar ABM Wilayah Timur, Kuala Berang, Terengganu.

Seramai 142 pelatih termasuk 17 pelatih cemerlang diraikan. Mereka adalah pelatih daripada 17 tred (kategori) dalam latihan kompetensi kemahiran pembinaan membabitkan kluster bidang bangunan, *Industrial Building System (IBS), Operasi Kren, Mekanikal dan Elektrikal, Kimpalan dan Blasting & Painting*.

Bersempena Majlis Graduasi ini, Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Abdul Rahman Haji Mohamad telah merasmikan dan menyampaikan Anugerah Pelatih Cemerlang, Sijil Penghargaan dan Anugerah Ikon TVET Pembinaan.

Dalam majlis itu, seorang alumni ABM Wilayah Timur iaitu Hafizatul Najmi Pizat dinobatkan sebagai penerima Anugerah Ikon TVET Pembinaan.

Hafizatul, 35 tahun adalah bekas pelajar dalam bidang Pendawaian Elektrik (Wireman PW4) pada tahun 2008. Dengan berbekalkan sijil SKKP CIDB pada awal kerjayanya, kini beliau merupakan seorang usahawan muda yang mempunyai enam cabang perniagaan iaitu perniagaan seperti pendawaian elektrikal, peniagaan jual beli barang elektrik, pembinaan rumah, pasaraya serbaneka, penghotelan dan perkhidmatan pelancongan.

Manakala, tujuh (7) rakan industri iaitu Petronas Chemical Group, Kolej Yayasan Pahang Advanced Skill, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Yayasan Pendidikan Maidam, Malaysia Rail Link (MRL), DNR Training Centre dan MKA Consult telah menerima sijil penghargaan atas jasa dan sumbangan mereka kerana telah menaja dan memberi peluang pekerjaan kepada pelatih-pelatih ABM dan CIDB Tech Wilayah Timur.

ABM dan CIDB Technologies adalah pusat penilaian dan latihan di bawah kendalian CIDB Malaysia yang memberi peluang kepada golongan belia dan personel binaan bagi mendalami kemahiran dalam industri binaan. Sehingga kini, ABM dan CIDB Technologies (Wilayah Timur, Utara, Tengah, Selatan, Sabah dan Sarawak) melahirkan **405,833** pekerja mahir binaan di seluruh negara membabitkan program belia dan personel binaan.

Kampus-kampus ABM dan CIDB Tech beroperasi di kawasan koridor ekonomi seluruh Malaysia termasuk Kuala Lumpur, Kedah, Johor, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Untuk maklumat lanjut sila layari [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my) / [www.akademibinaan.com.my](http://www.akademibinaan.com.my) / [www.cidbtech.com.my](http://www.cidbtech.com.my)

---

### **Mengenai CIDB Malaysia**

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

---